

23 OCT 1998

Belanjawan-Awam

SEKTOR AWAM PERLU BERSIKAP MESRA PERNIAGAAN UTK RANGSANG EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Anggota perkhidmatan awam perlu bekerja dengan lebih tekun dan bersikap "mesra perniagaan" ketika menjalankan tugas untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Sikap 'business friendly' dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab akan membantu menyegerakan pelaksanaan projek dan menghindar kita daripada masalah kerenah birokrasi yang tidak menguntungkan sesiapa," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata kerajaan menghargai sumbangan anggota perkhidmatan awam termasuk pengorbanan mereka membuat pemotongan elaun sebanyak RM14 hingga RM600 setiap bulan mulai Januari lepas.

Beliau berkata penyertaan kerajaan dalam syarikat Cyberview yang membangunkan bandar bestari Cyberjaya pula adalah untuk meyakinkan pihak swasta bahawa kerajaan adalah komited terhadap pembangunan bandar bestari pertama di Malaysia itu.

Sehingga suku ketiga tahun ini, sebanyak 19 syarikat telah berpindah ke Cyberjaya dan 31 lagi dijangka berpindah pada penghujung tahun ini.

Sejumlah 179 syarikat pula telah diberi kelulusan taraf MSC, yang membolehkan mereka mendapat keistimewaan di Koridor Raya Multimedia yang turut menempatkan Cyberjaya. Selain Cyberjaya, MSC dengan keluasan 750 km persegi di selatan ibu negara turut merangkumi Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, KLCC dan pusat pentadbiran kerajaan yang baru, Putrajaya.

Dr Mahathir berkata sejumlah RM110 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan beberapa projek aplikasi perdana yang menjadi asas MSC seperti teleperubatan, kerajaan elektronik, sekolah bestari dan kad pelbagai guna.

Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi menangani masalah "pepijat alaf" dalam sistem pengkomputeran jabatan kerajaan tahun depan.

Pepijat alaf merujuk kepada penggunaan dua digit terakhir untuk mewakili tahun dalam sistem komputer dan ia dijangka menimbulkan masalah apabila komputer tidak dapat membezakan tahun 2000 dengan 1900 kerana kadua-duanya diwakili "00".

-- BERNAMA

HJ NMO